

Kerajaan puas hati kemajuan di Sabah

APR 1985

KOTA KINABALU, Khamis — Kerajaan Persekutuan berpuas hati dengan pencapaian pembangunan di Sabah, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Katanya, sejak sembilan tahun lalu, Sabah mengalami pembangunan yang begitu pesat berbanding pemerintahan kerajaan sebelumnya.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi Barisan Nasional berkata demikian ketika berucap di perjumpaan dengan rakyat di Kampung Pimping Membakut, kira-kira 70 kilometer dari sini. Turut bersama ialah isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Perdana Menteri diiringi oleh Ketua Menteri, Datuk Harris Salleh dan isteri, Datin Rupiah Haris serta pembesar-pembesar negeri dan pegawai-pegawai kanan

kerajaan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan Berjaya menyediakan banyak kemudahan infrastruktur di seluruh negeri khususnya di kawasan luar bandar.

Rakyat Malaysia di negeri ini dapat menikmati kemudahan perhubungan, pelajaran, kesihatan, sosial dan lain-lain.

"Semua ini tidak dapat dinikmati sewaktu pemerintahan kerajaan Usno dahulu. Malah proses pembangunan berjalan amat perlahan," terang beliau.

Perdana Menteri menambah, sekarang kemudahan-kemudahan asas seperti elektrik, paip air, rumah ibadat, sekolah, balai raya dan seumpamanya dapat dinikmati oleh rakyat yang dulunya tinggal di kampung-kampung terpencil. Menurutnya, perhubungan antara kerajaan negeri dengan Kerajaan

Persekutuan pula adalah baik dan memuaskan. Tidak seperti kerajaan sebelum Berjaya, kerengangan amat terasa.

"Kita sama-sama bersikap terbuka dalam setiap rundingan antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri. Ini menunjukkan wujudnya persfahaman dan sokongan di kalangan pemimpin kedua-dua pihak," katanya.

Erat

Perdana Menteri berharap perhubungan erat itu terus berkekalan di samping menjaga keamanan dan kestabilan semua sektor di negeri ini.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menolak dakwaan yang mengatakan bahawa kerajaan negeri telah 'menjual' Pulau Labuan kepada Kerajaan Persekutuan.

"Itu adalah tidak be-

nar. Apa yang berlaku cuma peralihan bidang kuasa pentadbiran daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

"Dengan menyerahkan kuasa pentadbiran Labuan kepada Kerajaan Pusat, Sabah dapat menjimatkan berjuta-juta peruntukan pembangunan ke pulau itu," tegas Perdana Menteri lagi.

Beliau menjelaskan bahawa dengan peralihan kuasa itu juga kerajaan negeri dapat mengagihkan peruntukan pembangunan ke daerah-daerah lain yang memerlukannya.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, ketika kerajaan Berjaya memerintah, cukai-cukai balak telah dinaikkan. Tetapi tindakan ini dikeseluruhan oleh beberapa pihak.

Ini disebabkan mereka kehilangan kepentingan menerusi hasil balak, jelaunya.